



MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT


KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA** yang berdaftar dengan MOF (Kementerian Kewangan Malaysia) serta Sijil Taraf Bumiputera oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di dalam bidang kerja berkenaan dan pendaftarannya masih berkuatkuasa untuk mengambil bahagian dan menjalankan kerja-kerja berikut:


BUTIR-BUTIR TAWARAN	TARAF SEBUT HARGA & SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH, WAKTU DAN TEMPAT TAWARAN TUTUP
NO. SEBUT HARGA: MPKL/JPSPKP/SH : 3/2023 KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENCEGAHAN DAN KAWALAN DEMAM DENGGI UNTUK MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BAGI TAHUN 2023	KKM Kod Bidang 220901 <i>Kawalan Serangga Perosak, Anti Termite</i> DAN UPEN <i>Unit Perancang Ekonomi Negeri</i>	RM150.00 **Tidak akan dikembalikan	Mulai : 26/01/2023 (KHAMIS) Jam : 12.00 Tengahari PENJUALAN SECARA ONLINE SAHAJA Dokumen pelawaan boleh dimuat turun di laman sesawang https://tender.selangor.gov.my **SILA KEMASKINI MAKLUMAT SYARIKAT DALAM LAMAN WEB https://tender.selangor.gov.my UNTUK MELANCARKAN PROSES PEMBELIAN DOKUMEN PELAWAAN.	Tarikh Tutup: 02/02/2023 (KHAMIS) Sebelum atau Pada Jam 12.00 tengahari UNIT PEROLEHAN & UKUR BAHAN Majlis Perbandaran Kuala Langat Tingkat 1, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan. **Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dilayan

- i) Setiap dokumen sebut harga dijual dengan harga **RM 150.00** secara **ONLINE**. Pembayaran boleh dibuat secara kad kredit atau debit kad dan wang bayaran tidak akan dikembalikan.
- ii) Dokumen meja tawaran dipamerkan mulai **26 JANUARI 2023 (KHAMIS)** di Unit Perolehan dan Ukur Bahan, Majlis Perbandaran Kuala Langat, Tingkat 1, Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor.
- iii) Penyebutharga perlu terlebih dahulu mendaftar secara **ONLINE** di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> sebelum pembelian Dokumen Sebut harga dan mengemaskini maklumat pendaftaran **MOF** dan **UPEN**. Sekiranya gagal berbuat demikian adalah tidak layak untuk membeli Dokumen Sebut harga tersebut.
- iv) Dokumen Sebut harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan **WAJIB** dibukukan / didokumentasikan.
- v) Dokumen Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **SAMPUL SURAT BERLAKRI** dan dimasukkan ke dalam **PETI TENDER** seperti tertera di atas.
- vi) Penghantaran Dokumen Sebut harga perlu disertakan bersama **RESIT PEMBAYARAN** sebagai bukti pembelian.
- vii) Penyebutharga yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- viii) Penyebutharga perlu mematuhi syarat-syarat yang terkandung di dalam Arahan Kepada Penyebutharga dan Syarat-syarat Sebut harga di dalam Dokumen Sebut harga sebelum mengemukakan Dokumen Sebut harga. Jika Dokumen Sebut harga yang dikemukakan didapati tidak mematuhi syarat-syarat tersebut, dokumen itu akan ditolak tanpa pertimbangan.
- ix) Dokumen Sebut harga yang lewat diterima dari tarikh dan masa berbangkit dengan apa jua sebab yang mungkin boleh dikemukakan, akan ditolak dan tidak dipertimbangkan.
- x) Tarikh tutup penjualan Dokumen sebut harga adalah pada **02 FEBRUARI 2023 (KHAMIS)**. Dokumen Sebut harga tidak akan dikeluarkan selepas dari waktu tersebut. Sebarang pertanyaan sila hubungi **UNIT PEROLEHAN & UKUR BAHAN** di Talian 03-38530303 sambungan 2503.

Disediakan oleh:


 (NOR AZIDA BINTI AZMI)
 Penolong Jurutera
 Unit Perolehan dan Ukur Bahan
 Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disemak dan Disahkan oleh:


 (MOHAMMAD KAMAL BIN MOHD RAMLAN P.P.T)
 Ketua Unit
 Unit Perolehan dan Ukur Bahan
 Majlis Perbandaran Kuala Langat

www.mpkl.gov.my
19.01.2023